



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Fax: 03-8889 4548
Laman web: <http://www.moe.gov.my>.

KP(BS-Dsr)201/002/1 Jld.2 (1)
11 Mac 2009

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS: BIL: 1/2009
KEMASUKAN KANAK-KANAK WARGANEGARA MALAYSIA TANPA DOKUMEN KE SEKOLAH

Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 16 Januari 2008 kerajaan Malaysia telah bersetuju bahawa anak-anak warganegara Malaysia yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri, boleh diterima masuk ke sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

2. Penerimaan kanak-kanak warganegara yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri masuk ke sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan adalah berdasarkan kepada syarat-syarat berikut

- 2.1 **Mana-mana salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia; dan**
- 2.2 **Surat pengesahan atau surat perakuan Ketua Kampung bahawa kanak-kanak tersebut adalah anak kepada warganegara Malaysia.**

3. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan pentadbiran, semua dokumen yang dikemukakan oleh ibu bapa/penjaga kanak-kanak tersebut hendaklah diproses dan kanak-kanak berkenaan diterima masuk ke sekolah dengan serta merta.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATO' HAJI ALI MUDDIN BIN HAJI MOHD. DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Ir. Dr. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran
 3. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
 4. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
 6. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia
 7. Ketua Nazir Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Kementerian Pelajaran
 8. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pelajaran
 9. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pelajaran